

22/03/1998

Langkah kukuh ekonomi ikut keadaan semasa

Azizi Othman in Hannover

HANNOVER: Kajian semula unjuran pertumbuhan ekonomi negara yang akan dimumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim Selasa ini, dilakukan bagi memastikan ia sejajar dengan persekitaran semasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pengumuman angka unjuran dan beberapa langkah baru bagi mengukuhkan ekonomi yang akan diumumkan Timbalannya, dijangka lebih menggambarkan kedudukan sebenar kekukuhan negara.

Dr Mahathir berkata, perkara yang akan diumumkan secara terperinci oleh Anwar, memberikan mesej yang jelas mengenai apa yang boleh dilakukan semua pihak untuk membantu pemulihan ekonomi negara.

"Penurunan angka unjuran itu dibuat kerana nilai mata wang dan pasaran saham kita yang jatuh," katanya dalam sidang akhbar pada hari terakhir lawatan kerja tiga harinya ke sini, semalam.

Minggu lalu, kerajaan mengumumkan Timbalan Perdana Menteri akan mengeluarkan unjuran pertumbuhan ekonomi negara yang baru bagi 1998 serta beberapa langkah tambahan memperkukuh daya tahannya.

Dr Mahathir berkata, apabila nilai mata wang dan pasaran saham turun, kadar keuntungan syarikat akan terjejas dan ia seterusnya mengurangkan kutipan cukai yang menjadi sumber pendapatan negara.

"Sebab itulah, kita kini mengambil langkah mengurangkan 20 peratus perbelanjaan kerajaan tetapi itupun kita masih belum tahu sama ada ia mencukupi atau tidak.

"Contohnya, syarikat seperti Sime Darby yang dulu mampu mencatat untung hampir RM2 bilion dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, kini mengalami masalah. Sudah tentu kerajaan tidak dapat memungut cukai.

"Apabila ia tidak mendapat untung, perniagaan tidak meningkat dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi juga tidak dapat ditingkatkan," katanya.

Mengulas bila kegawatan ekonomi negara akan berakhir, Dr Mahathir berkata, ia bergantung kepada bila usaha mengawal selia dagangan mata wang boleh dibuat.

Bagaimanapun, beliau tidak yakin ia dapat dilakukan walaupun Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) ada menyatakan kesanggupan mereka mengkaji kemungkinan itu.

Sehubungan itu katanya, negara terbabit perlu mencari jalan penyelesaian sendiri dan dalam konteks inilah Malaysia bercadang untuk menjalankan dagangan dalam mata wang sendiri bersama negara jirannya.

Selain itu, katanya, Malaysia juga mungkin boleh menggunakan mekanisme Perjanjian Pembayaran Dua Hala (BPA) sedia ada, mengurang import dari negara yang mahu berurusan dengan mata wang asing atau menambah eksport untuk membolehkan Imbangan Perdagangan (BOT) lebih sihat.

(END)